

21/10/1999

BN Selangor hantar wakil terbanyak

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Barisan Nasional (BN) Selangor akan menghantar seramai 66,505 perwakilan ke Perhimpunan Ulang Tahun ke-25 BN bertemakan 'Teguh Padu ke Alaf Baru' yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil, 24 Oktober ini.

Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata semua parti komponen BN di Selangor akan menyertai perhimpunan itu bagi memberikan sokongan penuh terhadap usaha BN pusat mengadakan majlis bersejarah itu.

Beliau berkata, Umno akan menghantar 34,671 orang, MCA (14,936), MIC (5,020), Gerakan (6,000) dan Parti Progresif Rakyat (8,878).

Katanya, sebanyak 1,079 bas akan disediakan manakala mereka yang menggunakan kereta kira-kira 6,756 buah selain kenderaan awam iaitu Sistem Transit Aliran Ringan 15,785 orang, komuter 5,945 orang dan Putra 1,200 orang.

"Saya difahamkan selain Selangor, Wilayah Persekutuan, Pahang dan Perak juga akan menghantar wakil masing-masing tetapi sudah pasti Selangor adalah negeri yang menghantar paling ramai wakil," katanya selepas majlis penyerahan Surat Perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras BN negeri yang diadakan di Tingkat 20, Bangunan SUK, di sini hari ini.

Tujuh belas Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras BN negeri menerima surat pelantikan masing-masing iaitu Datuk Seri Onn Ismail (Kapar), Datuk Mohd Sharif Jajang (Sepang), Datin Paduka Zaleha Ismail (Gombak), Datuk Abdul Fatah Iskandar (Kuala Langat), Datuk Saidin Tamby (Selayang), Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad (Hulu Langat), Datuk Mufti Shuib (Ampang Jaya), Lim Sean Chai (PJ Selatan) dan Datuk Yap Pian Hon (Serdang).

Datuk Salomon Selamat (Shah Alam), Datuk Mohd Aini Taib (Tanjung Karang), Datuk Mohd Mokhtar Dahlan (Subang), Datuk Mahbud Hashim (Sabak Bernam), Dr Tan Yew Kew (Klang), Datuk Ideris Abu Bakar (Hulu Selangor) dan Dr Wong Sai How (Petaling Jaya) manakala di Kuala Selangor adalah Abu Hassan sendiri.

Abu Hassan berkata, pelantikan itu adalah untuk tempoh dua tahun mulai 1 September lalu sehingga 31 Julai 2000 sebagaimana yang diperbuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN pusat.

"Saya berharap mereka yang dilantik ini dapat menjalankan tugas sebagai pengerusi penyelaras BN di bahagian masing-masing terutama untuk menghadapi pilihan raya yang bakal diumumkan tidak lama lagi," katanya.

Mengenai spekulasi nama calon yang gugur sebagaimana laporan akhbar The Sun hari ini, Abu Hassan secara berseloroh berkata: "Mungkin dia matahari, dia dapat tengok semua. Saya tidak dapat nak kata apa mengenai perkara ini sehingga pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri."

Menurutnya, beliau akan menyerahkan senarai nama calon apabila diarahkan oleh Perdana Menteri.

Ditanya sama ada Selangor akan menumpukan kepada calon daripada golongan profesional, beliau berkata, sesiapa saja yang layak boleh dicalonkan jika mendapat sokongan ahli BN.

"Kita cuba jika ada ahli profesional yang layak dan mendapat sokongan ahli BN. Bagaimanapun memang menjadi amalan setiap kali pilihan raya ada calon yang gugur dan ada muka baru. Sama ada banyak atau sedikit saya tidak dapat nak kata," katanya.

(END)